

31/10/2000

Pemilihan MT ikut penggal Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini bersetuju pemilihan ahli MT dibuat mengikut penggal Dewan Rakyat, tetapi menolak cadangan supaya sistem kuota jumlah pencalonan bagi semua jawatan yang ditandingi dimansuhkan.

Ini bermakna, pemilihan peringkat bahagian dan MT akan diadakan setiap empat atau lima tahun sekali berbanding tiga tahun sekarang, tetapi pemilihan bagi cawangan diadakan dua tahun sekali.

Majlis Tertinggi yang bermesyuarat lebih tiga jam khusus bagi membincang cadangan pindaan perlembagaan parti itu, juga menolak saranan supaya pemilihan MT dibuat pada peringkat bahagian.

Mesyuarat juga bersetuju supaya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Umno perlu menganggotai jawatankuasa bahagian masing-masing.

Selain itu, MT turut memansuhkan Jawatankuasa Disiplin Umno dan menggantikannya dengan Lembaga Disiplin yang anggotanya adalah mereka yang bebas daripada sebarang kepentingan dalam parti dan bukan ahli MT seperti sekarang.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, semua cadangan yang diluluskan hari ini akan dibentangkan di Perhimpunan Agung Khas Umno 18 November ini untuk dibahaskan dan diluluskan.

Dr Mahathir berkata, pemilihan jawatan tertinggi dalam parti dicadangkan supaya diadakan dalam tempoh 12 bulan selepas pilihan raya umum.

"Ini bermakna, hanya satu pemilihan MT akan diadakan dalam satu penggal Parlimen. Kalau penggal Parlimen empat tahun, kita mesti adakan (pemilihan MT) dalam empat tahun, kalau lima tahun ... sekali dalam lima tahun," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu bertujuan meletakkan satu jarak antara pilihan raya umum dengan pemilihan anggota MT.

Ditanya sama ada ia boleh dianggap usaha untuk terus berpegang kepada kuasa, Perdana Menteri berkata: "Parlimen juga membenarkan tempoh bagi memegang kuasa selama lima tahun. Tak apalah".

Mengenai sistem kuota pencalonan bagi sesiapa yang ingin bertanding jawatan tertinggi parti yang digunakan sekarang, beliau berkata ia dikekalkan, di mana seseorang yang ingin bertanding jawatan presiden parti perlu mendapat 30 peratus pencalonan daripada bahagian manakala Timbalan Presiden (20 peratus), Naib Presiden (10 peratus) dan MT (lima peratus).

Mesyuarat hari ini juga bersetuju supaya pemilihan MT kekal dibuat pada Perhimpunan Agung Umno dan bukannya pada peringkat bahagian seperti cadangan yang diterima Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan parti.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT hari ini berpendapat cadangan mengadakan pemilihan MT pada peringkat bahagian akan menimbulkan masalah logistik selain tidak ada jaminan politik wang boleh dikawal.

"Mungkin ada orang yang begitu kaya dapat pekerja di seluruh Malaysia untuk menentukan dirinya dicalonkan. Itu sesuatu yang mungkin berlaku. Kerana itulah kita dapati pemilihan MT pada peringkat bahagian tidak menjamin tidak akan ada politik wang.

"Masalah logistik yang mungkin dihadapi ialah mesyuarat bahagian perlu diadakan serentak untuk memilih anggota MT dan mana-mana yang didapati tidak sah perlu diadakan semula.

"Jadi keputusan bahagian lain boleh mempengaruhi bahagian yang

mengadakan mesyuarat semula. Ada yang berpendapat kalau dibuat di peringkat bahagian, maka kita hanya perlu mendaftar nama orang-orang yang ingin bertanding.

"Kalau ini dibuat, ada kemungkinan juga bahawa ramai yang akan mendaftar dan ini boleh diguna untuk mengurangkan undi kepada calon-calon yang serius," katanya.

Mengenai Lembaga Disiplin yang dicadangkan, beliau berkata ahlinya akan ditentukan oleh MT dan mereka bukan menjadi ahli MT atau orang-orang yang mempunyai kepentingan tertentu.

"Sebaliknya, mereka adalah orang yang tidak mempunyai kepentingan dalam Umno walaupun mereka mungkin ahli Umno, tetapi tidak ada kepentingan seperti nak jadi calon," katanya.

(END)